

Dr. Mahathir tunjuk bakat memandu uji tiga kereta

TOKYO 10 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menunjukkan bakatnya memandu uji tiga buah kereta pada trek kelajuan tinggi semasa melawat pusat teknikal Higashi-Fuji milik Toyota Corporation di sini hari ini.

Tiga buah kereta yang dipandu uji oleh Perdana Menteri ialah Prius, Opa dan RAV4J sambil disaksikan oleh isterinya Datin Sri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali dan para pegawai Toyota termasuk Pengerusi Kehormat, Dr. S Toyoda dan Pengerusi H. Okuda.

Aksi Dr. Mahathir yang lengkap bertopi keselamatan memandu uji ketiga-tiga kereta itu menarik perhatian para hadirin terutama ketika beliau memecut laju.

Ketika memberi komennya selepas itu, Perdana Menteri berkata, beliau tertarik dengan prestasi ketiga-tiga kereta berkenaan terutama Prius yang dilancarkan baru-baru ini, se-

lain ciri-ciri mesra alam sekitar dan teknologinya.

Terdahulu, beliau dan Dr. Siti Hasmah turut menaiki sistem pengangkutan gabungan bas-kereta api yang menggunakan jalan raya sebagai landasan dengan kawalan dari jauh.

Sistem pengangkutan yang masih di peringkat uji cuba sebelum dipasarkan tidak lama lagi, dikenali sebagai Intelligent Multi-mode Transit System (IMTS).

Ia menggunakan teknologi terkini iaitu Advance Cruise-Assist Highway System (AHS) dengan bas itu bergerak tanpa pemandu serta menggunakan gas asli.

Ketika ditanya kemungkinan sistem pengangkutan berkenaan akan digunakan di Putrajaya untuk kemudahan para penduduk kawasan baru itu, Dr. Mahathir berkata, Putrajaya telah dirancang awal dengan menggunakan sistem pengangkutan rain.